



KETUA SETIAUSAHA  
(Secretary General)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
(Ministry of Housing and Local Government)

Aras 17  
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003  
Faks : +(6)03 - 8891 5558

Rujukan Kami : JKT.T.800-3/1/3 Jld.( 15 )

Tarikh : 30 April 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

### **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PUSAT SETEMPAT (OSC) PBT BAGI MENJALANKAN OPERASI SEKTOR PEMBINAAN DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PASCA PKP**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, pada 10 April 2020, Kerajaan telah membuat pengumuman berkaitan Kebenaran Beroperasi Diberi Kepada Sektor Tambahan Bagi Melindungi Ekonomi Negara Pasca Covid-19. Antara sektor yang tersenarai termasuklah bagi projek-projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan dengan pembinaan.

3. Justeru, Kementerian telah membangunkan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pusat Setempat (OSC) PBT Bagi Menjalankan Operasi Sektor Pembinaan Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dan Pasca PKP** sebagai panduan dalam menjalankan proses dan prosedur pengemukaan, pertimbangan dan pengeluaran kelulusan pelan-pelan pemajuan dan kebenaran permit-permit pembinaan oleh semua pihak yang terlibat dalam sektor pembinaan iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan/ Agensi Teknikal, Pemaju/ Pemilik Tanah dan Perunding Profesional, bagi menyokong peranan mereka dalam *supply chain* sektor pembinaan.

4. Dalam melaksanakan peranan masing-masing, semua pihak yang terlibat perlu memastikan pematuhan kepada amalan tatacara kesihatan dan kawalan pergerakan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Bersama-sama ini disertakan SOP berkaitan sebagai panduan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)**